

Anwar mohon batal saman peguam cabar lantikan sebagai PM

Ahli Parlimen
Tambun sifatkan
tindakan
Waytha Moorthy
bermotif politik

Oleh Rahmat Khairulrijal
rahmat@nst.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memfailkan permohonan untuk membatalkan saman difailkan peguam P Waytha Moorthy, yang mencabar pemilihannya sebagai Ahli Parlimen Tambun dan pelantikannya sebagai Perdana Menteri.

Ahli Parlimen Tambun itu memfailkan notis permohonan di Mahkamah Tinggi di sini pada Jumaat lalu dengan menyifatkan tindakan oleh bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri itu sebagai bermotifkan politik.

Anwar berhujah bahawa saman pemula Waytha bertarikh 29 Ogos itu dari segi kandungan dan kesannya, adalah satu cabaran terhadap kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum Ke-15.

Beliau berkata, saman itu bercanggah dengan Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa kesahihan mana-mana pilihan raya hanya boleh dipersoalkan melalui petisyen pilihan raya.

Melalui peguamnya, Tetuan Daniel & Wong, Anwar berkata

tindakan itu melanggar beberapa peruntukan Perlembagaan dan undang-undang, termasuk yang terkandung dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Antara lain, permohonan itu menyatakan bahawa perkara berkenaan tidak dibawa ke hadapan hakim pilihan raya seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 33 Akta tersebut, difailkan di luar tempoh yang ditetapkan di bawah Seksyen 38, dan plaintif tidak mempunyai lokus standi yang diperlukan di bawah Seksyen 34 untuk memulakan prosiding sedemikian.

Saman bersifat tidak wajar

Perdana Menteri juga berkata, saman itu dimulakan atas tujuan yang tidak wajar dan bersifat sam-pingan - iaitu untuk meraih keuntungan politik, mengekalkan relevansi serta mengganggu beliau.

Anwar memohon perintah agar saman Waytha itu diketepikan serta-merta, semua prosiding digantung sementara menunggu keputusan permohonan itu dan kos guaman dibayar sepenuhnya oleh plaintif.

Waytha memfailkan saman itu pada 14 Ogos lalu, memohon perisytiharan bahawa pengampunan diraja yang diberikan kepada Anwar pada 2018 tidak mengecualikannya daripada tempoh hilang kelayakan selama lima tahun yang dikenakan ke atas individu yang disabitkan kesalahan jenayah.

Beliau meminta Mahkamah Tinggi mengisytiharkan pemilihan Anwar sebagai Ahli Parlimen

Tambun pada 19 November 2022, serta pelantikannya sebagai perdana menteri lima hari kemudian, sebagai tidak sah dan terbatal.

Waytha yang berkhidmat sebagai menteri dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad dari 2018 hingga 2022, menyifatkan tindakan itu demi kepentingan awam bagi menegakkan kedaulatan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan serta melindungi integriti demokrasi berparlimen Malaysia.

Pada 14 Ogos lalu, Pejabat Peguam Negara (AGC) dalam satu kenyataan berkata, pengampunan diraja yang diberikan kepada Anwar pada 2018 telah memulihkan kelayakannya untuk berkhidmat sebagai Ahli Parlimen dan Perdana Menteri.

Dalam kenyataan itu, AGC menjelaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong ke-15 telah memberikan pengampunan penuh kepada Anwar, sekali gus mengembalikan status undang-undang sebagai "seseorang yang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan".

Kenyataan itu menambah bahawa hal itu bermakna tiada asas untuk hilang kelayakan di bawah Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan.

AGC turut menegaskan bahawa sebarang cabaran terhadap pemilihan seseorang Ahli Parlimen hanya boleh dibuat melalui petisyen pilihan raya di bawah Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Seksyen 38 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.